

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 13 FEBRUARY 2017 |

Kerjasama dengan Tun M punca umum keluar parti

BH-13/2/2017

Melaka: Kerjasama DAP dengan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi punca empat pemimpin DAP Melaka mengumumkan keluar parti itu, semalam.

Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan DAP, Liew Chin Tong, berkata keempat-empat wakil rakyat itu mengambil tindakan berkenaan disebabkan faktor perselisihan faham kerana tidak bersetuju dengan hala tuju perjuangan parti ketika ini.

“Mereka memberi alasan DAP bekerjasama dengan PPBM dan Tun Mahathir, jadi mereka tidak bersetuju dan bertindak demikian (keluar parti),” katanya di Ibu Pejabat DAP Melaka di sini, semalam.

Pergolakan serius

Empat pemimpin itu adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bachang, Lim Jak Wong, Chin Choon Seong (Kesyidang), Goh Leong San (Duyong) dan Ahli Parlimen Kota Melaka, Sim Tong Him.

Mereka mengumumkan keluar parti dalam sidang media di sini, jam 10 pagi semalam.

Chin Tong yang juga Ahli Parlimen Kluang mendakwa, kerjasama DAP dan Tun Mahathir adalah bertujuan bagi menumbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan pemerintahan kleptokrasi.

Sementara itu, Pengerusi DAP Melaka, Tey Kok Kiew yang juga ADUN Bandar Hilir, berkata tindakan empat pemimpin itu menunjukkan berlaku per-

golakan politik dalaman yang serius ketika ini.

Belum terima makluman rasmi

Leong San dan Tong Him digantung keahlian selama setahun pada 6 Februari 2016 kerana didakwa membuat kenyataan yang merosakkan reputasi parti.

Di **Georgetown**, DAP menegaskan masih belum menerima sebarang makluman rasmi berhubung pengumuman empat wakil rakyatnya di Melaka.

Timbalan Setiausaha Agungnya, Chong Eng berkata pihaknya belum menerima surat rasmi berhubung perkara itu dan tidak menolak kemungkinan dihantar terus ke Ibu Pejabat DAP di Kuala Lumpur.



Mereka memberi alasan DAP bekerjasama dengan PPBM dan Tun Mahathir, jadi mereka tidak bersetuju dan bertindak demikian (keluar parti)”

Liew Chin Tong,
Pengarah Pendidikan Politik
Kebangsaan DAP